

KELUPAAN DI DALAM SENI PERSEMBAHAN ASIA  
TENGGARA: SANGHYANG DEDARI DI BALI DAN MAIN  
PUTERI DI KELANTAN

WAN ANUAR AYOB

JABATAN PENGAJIAN ASIA TENGGARA  
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

1994/95

KELUPAAN DI DALAM SENI PERSEMPAHAN ASIA TENGGARA:  
SANGHYANG DEDARI DI BALI DAN MAIN  
PUTERI DI KELANTAN

WAN ANUAR AYOB  
NO. MATRIK: 062742

JABATAN PENGAJIAN ASIA TENGGARA  
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
1994/95

## BAB SATU

### PENGENALAN

#### Latar belakang.

Asia Tenggara merupakan satu rantau yang kaya dengan berbagai-bagai bentuk seni persembahan. Asia Tenggara juga dikatakan mempunyai satu kebudayaan yang bertamadun tinggi. Bentuk seni persembahan yang ada di Asia Tenggara tidak hanya terikat dengan seni tari, muzik dan wayangnya sahaja, tetapi meliputi seni persembahan yang lebih luas lagi. Persembahan sebahagian besarnya bertujuan memberi tanda hormat dan berterima kasih terutamanya kepada golongan-golongan yang lebih tinggi darjatnya daripada orang kebanyakan terhadap golongan pemerintah, pencipta mereka dan kuasa-kuasa ghaib yang berada di persekitaran mereka yang memberikan satu kesempurnaan dalam kehidupan mereka.

Terdapat berbagai-bagai bentuk tarian beserta dengan fungsinya yang tersendiri. Pada tahap permulaan perkembangan tarian ini, ia mempunyai perkaitan yang rapat dengan upacara keagamaan mereka. Contohnya tarian Barong di Bali yang dipersembahkan sebagai satu cara mengimbangi kuasa baik dan jahat di alam mereka. Barong merujuk kepada makhluk yang berbentuk seperti binatang buas berkaki empat. Barong ini adalah binatang pelindung bagi masyarakat Bali. Dari fungsinya sebagai pelindung, Barong wujud dari kuasa baik dan bertarung dengan kuasa jahat iaitu Rangda berupa seorang raksaksa wanita yang menakutkan.<sup>1</sup> Sebarang pergerakan yang dilakukan di dalam tarian ini mempunyai maksud dan simbolisme tertentu menurut ritual keagamaan.

Adalah sukar untuk mendefinisikan tari dengan tepat. Definisi daripada ahli-ahli akademik biasanya dipengaruhi oleh pandangan dan pengetahuan mengikut bidang-bidang tertentu. Setiap definisi yang diberikan tentang tari ini adalah berbeza mengikut kepakaran masing-masing. John Martin, memberikan penekanan bahawa

---

<sup>1</sup> Sudarsono. Djawa Dan Bali: Dua Pusat Perkembangan Drama Tari Tradisional Di Indonesia. Jakarta: Gadjah Mada University Press, 1972, hlm. 143.

gerak betul-betul merupakan substansi baku dari tari.<sup>2</sup> Seorang pakar tari dari India bernama Enakshi Bhavnani mengatakan bahawa dengan menoleh jauh ke belakang masa lampau, kita dapat tahu bahawa sejarah tari sebagai satu ekspresi perasaan naluri manusia adalah hampir setua dari sejarah manusia itu sendiri.<sup>3</sup> Curt Sachs mendefinisikan tari sebagai gerak yang ritmis iaitu gerak tari yang ada irama.<sup>4</sup> Secara keseluruhannya tari boleh didefinisikan sebagai segala pergerakan yang dilakukan di dalam ruang dan waktu tertentu. Berdasarkan definisi yang telah diberikan, apabila ia diterapkan kepada persembahan Main Puteri dan Sanghyang Dedari, segala pergerakan yang berlaku dalam persembahan ini terutamanya sewaktu penari dalam kelupaan boleh ditafsirkan sebagai satu gerak tari. Jadi perlakuan penari-penari kelupaan ini adalah satu dari bentuk tarian.

Berdasarkan kepada fungsinya terhadap masyarakat Asia Tenggara, tarian boleh dibahagikan kepada dua jenis. Pertama, adalah jenis tarian yang

---

<sup>2</sup> John Martin. The Modern Drama. New York: J. Wiley, 1965, hlm. 8.

<sup>3</sup> Enakshi Bhavnani. The Dance In India. Delhi: Publication Division, Ministry Of Information and Broadcasting, 1965, hlm. 2.

<sup>4</sup> Curt Sach. World History Of The Dance. Diterjemahkan oleh Bassie Schonberg. New York: W.W. Norton, 1963, hlm. 5.

bersangkut-paut dengan agama. Jenis yang kedua pula adalah tarian yang merupakan satu seni pertunjukan untuk dinikmati nilai keindahannya. Di antara kedua-dua jenis tarian ini sudah tentu tarian yang berkaitan dengan keagamaan dan kepercayaan lebih penting, kerana mempunyai simbol-simbol tertentu yang tersembunyi maksud di sebaliknya dan hanya difahami oleh masyarakat yang mengamalkannya. Contohnya dalam Main Puteri, setiap pergerakan Tok Puteri membawa maksud seperti waktu beliau berada di alam kelupaan dan keluar dari kelupaan. Ini akan hanya difahami oleh masyarakat yang biasa dengan persembahan ini. Jika orang asing yang melihat pergerakan-pergerakan ini, tentu tidak akan membawa sebarang maksud kepada mereka. Mereka akan tertanya-tanya adakah Tok Puteri itu dalam kelupaan atau tidak? Dari sinilah timbul keinginan pengkaji untuk mengetahui dengan lebih mendalam lagi mengenai tarian yang terlibat dan memiliki ciri-ciri seperti yang telah dinyatakan, iaitu Main Puteri di Kelantan dan Sanghyang Dedari di Bali. Kedua-dua bentuk tarian ini mempunyai pengertian yang tersendiri di dalam sistem kepercayaan masyarakat Bali dan Kelantan sehingga ia dijadikan sebagai satu sistem perubatan tradisional. Tarian ini membawa

pengertian kepada masyarakatnya sebagai satu cara perhubungan antara manusia dan alam mistik.

Masyarakat di Asia Tenggara secara keseluruhannya mempercayai kewujudan roh dan hantu. Ini melibatkan pandangan dan perlakuan yang negatif terhadap kepercayaan sebegini. Melalui kepercayaan ini, masyarakat sentiasa merasa takut dengan persekitaran yang dipenuhi dengan makhluk ghaib. Banyak pantang-larang yang tidak sepatutnya wujud berkaitan dengan kuasa ghaib ini. Sebagai contoh perlakuan yang negatif ialah tidak boleh berjalan melalui pokok besar yang dikhuatiri ada penunggu yang boleh membawa penyakit kerana dianggap mengganggu kediamannya.

Kelupaan biasanya melahirkan satu keadaan yang amat menakutkan dan dianggap kejam. Dalam konteks ini roh atau dewa-dewa akan berbicara melalui orang yang dimasukinya. Kelupaan merupakan satu fenomena di mana kesedaran individu adalah berbeza daripada keadaan kebiasaan mereka. Secara tradisinya ia melibatkan pemindahan tahap kesedaran seseorang. Bagi sesetengah orang, mereka melihat kelupaan ini sebagai lebih misteri kerana ia berhubung-kait dengan unsur ghaib. Definisi

ringkas oleh Joyce M. Hawkins, kelupaan atau 'trance' dalam bahasa Inggris bermaksud keadaan khayal atau keadaan luarbiasa.<sup>5</sup> Kamus Dwi-Bahasa pula memberi pengertian 'trance' sebagai:

"trance [tra:ns] kn 1 keadaan khayal (seperti orang menurun): fall into a\_\_ menjadi khayal; 2 keadaan luarbiasa: keadaan mabuk: send somebody into a\_\_ membuat seseorang tidak sedarkan dirinya.<sup>6</sup>

Pengertian yang lebih tepat mengenai kelupaan dari petikan di atas adalah fenomena yang disifatkan sebagai satu keadaan khayal seperti mana yang berlaku ke atas orang yang menurun. Memang benar alam kelupaan ini melibatkan satu keadaan yang luarbiasa tetapi keadaan ini tidak melibatkan keadaan mabuk akibat penggunaan dadah dan arak. Ia berkaitan dengan tahap kesedaran seseorang.

Luh Ketut Suryani dan Gordon D. Jensen dalam kajian fenomena kelupaan di Bali menyebut:

---

<sup>5</sup> Joyce M. Hawkins. Kamus Dwi-Bahasa Oxford Fajar. Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1991, hlm. 371.

<sup>6</sup> Kamus Dwi-Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, 1990, hlm. 1341.



"Trance is an altered state of consciousness (ASC) characterized by changes in cognition, perception, and/or physiologically based sensibilities. In these aspects it is identical to hypnosis, which produces a state in which cognition and perception are altered."<sup>7</sup>

Kelupaan adalah satu fenomena yang mengakibatkan perubahan tahap kesadaran seseorang. Perubahan ini melibatkan deria, mental dan perasaan. Apabila deria tidak berfungsi seperti tidak merasakan kepanasan, di samping merasakan fikirannya tidak dapat dikawal sebaliknya dirasakan dikawal oleh kuasa lain beserta daya fikiran tidak berfungsi seperti keadaan biasa. Keadaan ini dikenali pasti sebagai satu kelupaan apabila percantuman ketiga-tiga keadaan iaitu pada deria, fikiran dan perasaan yang berlaku secara serentak.

Bagi sesetengah masyarakat, kelupaan yang terdapat melibatkan satu perlakuan secara sengaja oleh individu. Di Asia Tenggara kelupaan yang berlaku kerap kali beriringan dengan muzik, nyanyian yang diulang-ulang atau ucapan-ucapan lisan. Sesetengah kelupaan

---

<sup>7</sup> Luh Ketut Suryani dan Gordon D. Jensen. Trance And Possession In Bali: A Window On Western Multiple Personality, Possession Disorder And Suicide. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1993, hlm. 28.

melibatkan perubahan minda disebabkan oleh penggunaan tumbuh-tumbuhan yang boleh membawa kepada khayal, atau dadah digunakan sebagai penghubung kepada upacara kelupaan dalam beberapa kebudayaan lain. Perlakuan sebegini juga mempunyai kepentingannya yang tersendiri.

Di Asia Tenggara, mereka tidak menggunakan sebarang bahan yang boleh mengubah fikiran atau dadah dalam menghubungkan mereka dengan alam kelupaan. Kebiasaannya mereka akan menyalakan kemenyan pada setiap permulaan upacara dan sedikit daripada asap itu disedut oleh orang yang akan berada dalam kelupaan. Berdasarkan penjelasan dari Gordon D. Jensen (1993), biasanya setiap individu akan mengenal pasti kelupaan dan menggambarannya melalui persepsi serta perasaan seperti berada di dalam kegelapan atau terasa badan terapung-apung. Individu yang berada dalam kelupaan selalu ternampak cahaya yang terang apabila berada dalam situasi ini dan biasanya dengan mata mereka yang tertutup.

Tanda-tanda kelupaan termasuklah menutup kelopak mata secara perlahan-lahan dan tangan mula mengepak. Agak ganjil sedikit apabila pergerakan tangan

yang diangkat perlahan tetapi secara semulajadi dan ia dilakukan dalam satu jangka waktu yang agak lama. Apabila keadaan kelupaan ini 'menjadi' atau berlaku, setiap kesakitan tidak akan dirasakan lagi. Sebagai contoh, orang yang lupa boleh berjalan di atas bara api tanpa merasakan sebarang kesakitan. Deria sudah tidak ada lagi, malah tidak berfungsi untuk mengesan kepanasan atau kesejukan. Tidak ada tindakbalas untuk mengelak atau rasa tersentak apabila menyentuh benda-benda panas. Setiap pendarahan kecil yang terjadi akibat dipotong juga tidak akan dirasakan.

Seperti mana kawasan-kawasan lain di dunia, fenomena kelupaan ini juga lebih mudah dialami di kalangan masyarakat Asia Tenggara. Ini disebabkan oleh pewarisan atau keadaan semulajadi di dalam majoriti penduduk untuk mengalami atau memasuki alam kelupaan. Setiap individu yang lupa akan bertukar watak, seolah-olah bukan lagi dirinya yang asal. Dia telah menjadi orang lain dengan suara yang berbeza, di samping memperkenalkan siapa dirinya yang sebenar sekarang. Keadaan ini jelas berlaku sepertimana yang diakui oleh Suryani:

"An individual suddenly seems to lose his identity and become another person. His physiognomy changes and shows a striking resemblance to the individual of whom he is, supposedly, the incarnation. With an altered voice, he pronounces words corresponding to the personality of the new individual."<sup>8</sup>

Kelupaan juga membawa makna membenarkan tubuh yang asal dimasuki oleh kuasa ghaib buat sementara waktu. Kepercayaan masyarakat Asia Tenggara yang teguh terhadap kuasa-kuasa ghaib ini menyebabkan mereka berhubung pula dengan kuasa-kuasa luarbiasa bagi membantu mereka. Apabila kemampuan manusia terbatas, mereka akan merujuk kepada kuasa-kuasa ghaib sebagai satu usaha menjaga keselamatan atau tindakan untuk mengawasi usaha yang mereka buat.

Menyedari hakikat bahawa kuasa-kuasa ini boleh digunakan untuk berbagai tujuan, maka terciptalah corak perantaraan yang berbeza mengikut matlamat penggunaan mereka terhadap kuasa-kuasa ghaib ini. Berlakulah satu keadaan yang menjadi kebiasaan bagi manusia apabila menggunakan sesuatu itu, sama ada untuk tujuan kebaikan ataupun keburukan. Di dalam Main Puteri dan Sanghyang

---

<sup>8</sup> Ibid. hlm. 33.

Dedari, kuasa ghaib digunakan sebagai satu unsur yang boleh menolong manusia di dalam bidang perubatan tradisional. Sebaliknya, tidak kurang juga penyalahgunaan kuasa ini yang dikenali sebagai sihir hitam atau 'black magic' semata-mata untuk memusnahkan kehidupan seseorang.

Bagi masyarakat Asia Tenggara, kelupaan ini merupakan satu keadaan atau alam yang dibawa oleh dewa atau roh yang memasuki badan seseorang dan menukarkan wataknya yang asal. Di dalam Main Puteri dan Sanghyang Dedari, ia melibatkan perletakan seorang atau pelaku dalam kelupaan dengan menggunakan kemenyan, nyanyian yang berulang-ulang dan mentera. Kemudian mereka akan berkelakuan seperti dewa atau semangat yang muncul. Penari-penari akan berinteraksi, biasanya mereka menari, meniru gaya pergerakan binatang dan sesetengahnya bercakap seperti membawa maksud-maksud yang tersirat. Dalam Main Puteri, jika Tok Puteri mengetahui jenis penyakit seseorang pesakit dan merasakan yakin boleh mengubat penyakit itu, beliau tidak perlu lagi beria-ia melakukan kaedah-kaedah yang lebih sukar untuk mengesan penyakit. Tok Puteri cuba melengah-lengahkan persembahan dan di sini banyak terselit unsur-unsur kelucuan yang

berlaku sewaktu perbualan antara Tok Puteri dan Tok Minduk yang menggambarkan tugas mereka hampir berjaya. Kelupaan memberi peluang kepada penari-penari untuk merasakan kekuasaan unsur dari kuasa ghaib yang menjadi perantaraan mereka.

Kecenderungan seseorang untuk berada dalam keadaan kelupaan adalah amat besar sekali. Walaupun tidak terlibat secara khusus dalam tarian tersebut tetapi seseorang itu masih boleh dipengaruhi untuk menjadi lupa. Keadaan ini bergantung kepada daya ketahanan diri seseorang sama ada kuat atau lemah semangat. Jika semangatnya lemah maka akan mudahlah beliau mengalami suasana kelupaan. Walaupun begitu, orang yang mengalami kelupaan ini tidak berlaku sebarang perubahan pada dirinya, kecuali pada mentalnya sahaja dan perubahan ini tidak membahayakan orang-orang di sekelilingnya. Di sini tidak ada sebarang penggunaan dadah oleh pelaku. Adalah menjadi kebiasaan kaum perempuan mudah dibawa ke alam kelupaan kerana semangatnya yang lemah.

Persembahan Main Puteri dan Sanghyang Dedari boleh dikategorikan ke dalam tarian berbentuk ritual.

Terdapat dua jenis tarian ritual yang berbeza jenisnya. Pertama, penari-penari akan mempersembahkan sajian yang simbolik di upacara itu seperti kemenyan, minyak, air suci, minuman dan sebagainya. Jenis yang kedua pula, tarian yang tidak memerlukan peralatan di atas kerana tarian itu sendiri telah menjadi satu corak persembahan atau sajian kepada kuasa ghaib.<sup>9</sup>

Di dalam persembahan Main Puteri, sajian yang hampir sama seperti di atas disediakan sebagai satu keperluan. Ini menunjukkan betapa pentingnya sajian sebagai satu persembahan kepada semangat. Manakala di dalam persembahan Sanghyang Dedari, sajian yang diperkatakan adalah tidak jelas peranannya. Keadaan ini timbul disebabkan tanggapan masyarakat Bali terhadap tarian itu sendiri sebagai satu persembahan atau sajian kepada dewa-dewa, jadi tidak perlu lagi menyediakan sajian sepertimana yang terdapat di dalam Main Puteri. Walaupun begitu, sajian tetap ada dalam Sanghyang Dedari cuma kedudukan sajiannya tidak sama penting seperti dalam Main Puteri. Upacara tarian ini berhubung-kait

---

<sup>9</sup> Collin McPhee. "Dance In Bali", Traditional Balinese Culture. New York: Columbia University Press, 1970, hlm. 319.

dengan kegiatan keagamaan sebagai sajian, sembahyang dan juga mengakui kewujudan semangat jahat.

Kelupaan adalah penting dalam keagamaan masyarakat Bali. Terdapat orang-orang tertentu yang akan berada dalam kelupaan dan menjadi perantaraan antara dewa-dewa. Ini telah dinyatakan oleh Collin Simpson (1972) sebagai:

"Trance is an integral part of Balinese religion. Attached to the temples are holy men or women called Sadegs who are adept at going into trance. When they are in a state of trance, it is believed, the gods enter them. The Sadegs are the medium who 'bring the gods down'."<sup>10</sup>

Alam kelupaan ini memerlukan orang-orang tertentu sahaja untuk memasukinya. Di dalam masyarakat Bali, terdapat kriteria-kriteria tertentu yang membolehkan seseorang itu berada di dalam kelupaan, seperti orang itu masih suci dan ada pantang-larang yang perlu dipatuhi untuk mencapai tahap kelupaan. Di Kelantan juga memerlukan orang yang mempunyai kebolehan yang sama iaitu Tok Puteri yang menjadi orang

---

<sup>10</sup> Collin Simpson. Bali And Beyond. Sydney: Angus and Robertson, 1972, hlm. 23.



perantaraan di antara semangat dan Tok Minduk pula akan menyoal semangat yang dikatakan merasuk Tok Puteri.

Di dalam bab-bab seterusnya akan dibincangkan dengan lebih mendalam lagi, kedua-dua seni persembahan yang diketengahkan meliputi seluruh faktor yang berkaitan dengan Main Puteri di Kelantan dan Sanghyang Dedari di Bali. Perbincangan juga akan meliputi peranan dan fungsi kelupaan terhadap persembahan ini.

#### Objektif Kajian.

Tidak dapat dinafikan, kajian mengenai Main Puteri dan Sanghyang Dedari telah banyak dibuat oleh pengkaji-pengkaji dari Barat dan juga tempatan. Kajian-kajian yang telah dibuat adalah selari dengan waktu pengamalan upacara ini secara berleluasa. Apa yang ingin dikaji di sini adalah persembahan yang sama tetapi dalam tempoh masa yang berbeza dari waktu pengamalannya dahulu. Hari ini kedua-dua persembahan tersebut masih lagi wujud, tetapi apakah fungsinya masih lagi berkekalan atau telah berubah ekoran berlakunya perubahan ke atas masyarakat itu sendiri?